

Kerajaan tambah baik bantuan banjir PMKS

[Nurul Hidayah Bahaudin](mailto:nurul.hidayah@hmetro.com.my)
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan menambahbaik Bantuan Banjir Keluarga Malaysia bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) bagi membolehkan mereka yang terkesan akibat banjir baru-baru ini dapat memulihkan perniagaan dan beroperasi semula.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan komited menyediakan Bantuan Banjir Keluarga Malaysia yang komprehensif bagi meringankan beban rakyat yang terjejas akibat bencana banjir yang melanda negara.

Katanya, mengambil kira cabaran dihadapi PMKS yang terkesan akibat banjir, kerajaan memutuskan untuk menambahbaik bantuan dengan memberi geran bernilai RM3,000 melalui TEKUN Nasional kepada setiap perniagaan mikro dan informal yang terjejas akibat banjir dengan peruntukan disediakan sebanyak RM50 juta yang bakal memanfaatkan lebih 15,000 perniagaan mikro dan informal.

"Dana tambahan RM50 juta juga akan disediakan melalui Skim Pembiayaan Informal dan Mikro (SPIM) di bawah TEKUN Nasional khusus untuk perniagaan mikro dan informal yang terjejas akibat banjir dengan pinjaman mikro sehingga RM10,000 tanpa faedah di mana tempoh bayar balik adalah sehingga lima tahun dengan moratorium 12 bulan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Ismail berkata, RM100 juta disediakan melalui Program SME Emergency Fund (SMEEF) di bawah SME Corp dan pinjaman sehingga RM100,000 tanpa faedah dengan tempoh bayar balik sehingga lima tahun dan moratorium 12 bulan.

"Bagi sektor pertanian, sehingga kini jumlah kerugian yang dilaporkan kesan daripada bencana banjir pada Disember 2021 adalah sebanyak RM91 juta dan jumlah bantuan yang sudah disalurkan adalah sebanyak RM21 juta.

"Sehubungan itu kerajaan meluluskan bantuan tambahan kepada pengusaha Agromakanan yang terjejas banjir melalui suntikan dana sebanyak RM20 juta untuk Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)," katanya.

Beliau berkata, di bawah TBTP, pesawah yang mengalami kemusnahan tanaman padi akibat banjir bakal menerima bantuan secara tunai sehingga RM1,800 per hektar dengan had maksimum sehingga tiga hektar.

"Bagi pengusaha pertanian lain pula, RM50 juta tambahan akan disediakan di bawah Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA).

"Di bawah PPSPA, petani, penternak dan peladang yang terjejas akibat kerosakan banjir, layak untuk memohon untuk bantuan sehingga maksimum 50 peratus daripada jumlah kerugian.

"Kadar dan had bantuan adalah mengikut garis panduan tabung terbabit dan diberi dalam bentuk barangan atau in-kind iaitu seperti input pertanian atau peralatan," katanya.

Katanya, sebelum ini, kerajaan mengumumkan dana pinjaman RM500 juta untuk Kemudahan Bantuan Bencana yang membabitkan pinjaman kepada Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) sehingga RM700 ribu pada kadar faedah sehingga 3.5 peratus setahun dengan moratorium enam bulan.

"Di samping itu, dana sebanyak RM30 juta disediakan melalui TEKUN Nasional untuk pinjaman sehingga RM10 ribu kepada usahawan mikro dan informal.

"Kerajaan akan terus komited dalam usaha meringankan beban semua golongan yang terjejas akibat banjir seperti PMKS dan Pengusaha Agromakanan dengan sentiasa bersedia untuk menyediakan bantuan yang sewajarnya," katanya.